

THE POLICE INTERVIEW
Chedet.cc
13 November 2015
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. There were a large number of reporters waiting to interview me about the questioning by the police that the IGP and the Minister of Home Affairs had promised.

2. I was not sure how to handle the reporters. I know the police is a professional institution. It works for the elected Government. Still I was not quite sure why the police i.e. the Government wanted to question me. Had I committed a crime or is it that they wanted some information from me for the prosecution of others.

3. I had been interviewed by the police and the AG's chambers before. They wanted to make me a Government witness. I listened to them and concluded that there was no case for the accused person to answer. So I refused to be a prosecution witness.

4. This time it is not about making me a witness. They wanted answers to questions. My lawyers advised me not to answer most of those questions. So I did not.

5. Thinking it over afterwards I concluded that they were trying to make what I did or said in public before were some kind of wrong-doings, to even be some kind of criminal act. Although they did not say I would be charged, but there was just a hint that I might be charged.

6. I re-examined the questions posed by the police and I cannot see how what I did or said can be against any law.

7. I did attend a rally that had not been permitted by police. There were more than 50,000 people at that rally. If I did something wrong then 50,000 people at that rally also did something wrong.

8. To be just, the law must apply to everyone equally. To single me out for the offense of attending the illegal rally would be unjust. It would be a kind of victimisation. Unless the Government wishes to be unjust, it cannot take action against me alone.

9. Another question was about asking Najib to step down. I have urged people to overthrow Najib. I had asked the Tunku and Abdullah Badawi to step down.

10. I did not advocate violence. In a democracy the overthrow of a Prime Minister or a Government is a common thing. Recently the PM of Australia was overthrown by his own party. The PM of Romania resigned because a night-club caught fire and some people died. Najib himself overthrew Abdullah who was an elected PM.

11. Overthrowing a democratically elected Prime Minister through street demonstration is also normal.

12. So what is wrong with my attending a demonstration to demand that Najib be overthrown as PM. Even supporting a vote of no confidence in his leadership is not wrong except in a dictatorship.

13. What would be considered wrong would be resorting to violence, to a civil war or revolution. But Najib is trying to make out that asking him to resign is undemocratic and against the law. The questions by the police seem to imply this.

14. I often refer to the loss of money by 1MDB and the 2.6 billion Ringgit in Najib's private account. I openly declared I don't believe Najib's 2.6 billion Ringgit is a donation from an Arab. I believe it is from 1MDB. Najib has not proven it is not 1MDB money. When you take something that does not belong to you, it is a kind of stealing.

15. When I was PM I was accused of corruption, of cronyism, of being autocratic etc. I took no action to make any accusation against me a crime. I believe it is normal for such allegations to be made. If the people really believe these things about me they could throw me out. But despite attempts to end my premiership, the people gave me strong support during five elections. They did not seem to want to be rid of me. Even when challenged by Tengku Razaleigh, I had more support than him. I revived UMNO and it won support and the next election.

16. If I were defeated I would have accepted it. That is the democratic way.

17. By saying that Najib had stolen Government money, it can only be defamation if he could prove he did not. So far he has not been able to convincingly prove that the 2.6 billion in his private account did not come from 1MDB and therefore not from the Government. He has stopped investigations on the 2.6 billion in his account. That practically proves that he feared the investigations might prove the allegations against him have substance. Appointing other people to replace the original officers is interference in the work of the investigators. The replacements do not create credibility.

18. Defamation is only defamation if you say something that is false about a person. Prove that what I said is false then sue me for defamation. That is the way to go.

19. It seems to me and I may be wrong of course, that the kind of questions posed was to stop me from going on to do or say all those things I did. If I stop then Najib would be free from exposure of the wrong things that he has done or will do. People might then forget.

20. The courts may decide that I had committed a crime for what I did or said. But until I am found guilty by the courts, I will continue to believe and say that I had done nothing wrong, nothing undemocratic.

21. So I will continue to ask Najib to resign, to disbelieve his explanation about how he got the 2.6 billion Ringgit, to criticise the loans taken by 1MDB and the losses incurred by it.

22. This is my right as a citizen. To deny me of these rights would really be undemocratic.

VERSI BM

TEMUDUGA POLIS

1. Terdapat sebilangan besar wartawan menunggu untuk menemubual saya mengenai soal siasat oleh pihak polis yang Ketua Polis Negara dan Menteri Dalam Negeri telah janjikan.

2. Saya kurang pasti bagaimana untuk mengendalikan wartawan-wartawan ini. Saya tahu polis adalah sebuah institusi profesional. Ia berfungsi untuk Kerajaan yang dipilih. Namun saya masih tidak cukup

pasti mengapa polis, iaitu Kerajaan mahu menyoal saya. Adakah saya telah melakukan suatu jenayah atau adakah mereka mahu beberapa maklumat dari saya untuk mendakwa orang lain.

3. Saya pernah ditemu ramah oleh pihak polis dan Pejabat Peguam Negara sebelum ini. Mereka mahu jadikan saya saksi Kerajaan. Saya mendengar mereka dan membuat kesimpulan bahawa tidak ada kes bagi orang yang dituduh untuk menjawab. Jadi saya enggan menjadi saksi pendakwaan.

4. Kali ini ia bukan mengenai menjadikan saya sebagai saksi. Mereka mahu jawapan-jawapan kepada soalan-soalan. Peguam-peguam saya menasihatkan saya supaya tidak menjawab kebanyakan soalan-soalan. Jadi saya tidak membuat demikian.

5. Mengimbas kembali kemudiannya, saya membuat kesimpulan bahawa mereka cuba menjadikan apa yang saya lakukan atau berucap di khalayak ramai sebelum ini sebagai sejenis salah laku, atau beberapa kesalahan jenayah. Walaupun mereka tidak mengatakan saya akan didakwa, tetapi terdapat tanda-tanda bahawa saya mungkin didakwa.

6. Saya memikir semula soalan-soalan yang dikemukakan oleh pihak polis dan saya tidak dapat melihat bagaimana apa yang saya lakukan atau berkata adalah bertentangan dengan mana-mana undang-undang.

7. Saya menghadiri perhimpunan yang tidak dibenarkan oleh polis. Terdapat lebih daripada 50,000 orang di perhimpunan itu. Jika saya telah melakukan sesuatu yang salah maka 50,000 orang pada perhimpunan itu juga melakukan sesuatu yang salah.

8. Untuk berlaku adil, undang-undang perlu dikenakan kepada semua orang sama rata. Untuk memastikan saya seorang sahaja bagi kesalahan menghadiri perhimpunan haram itu adalah tidak adil. Ini sejenis penganiayaan. Melainkan jika Kerajaan ingin menjadi tidak adil, ia tidak boleh mengambil tindakan terhadap saya seorang sahaja.

9. Satu lagi soalan adalah mengenai permintaan saya untuk Najib berundur. Saya telah menggesa rakyat menggulingkan Najib. Saya telah pun suruh Tunku dan Abdullah Badawi meletak jawatan.

10. Saya tidak menyokong keganasan. Dalam demokrasi penggulingan seorang Perdana Menteri atau Kerajaan adalah satu perkara yang biasa. Baru-baru ini PM Australia digulingkan oleh partinya sendiri. PM Romania meletak jawatan kerana kelab malam terbakar dan beberapa orang meninggal dunia. Najib sendiri menggulingkan Abdullah yang merupakan seorang PM yang dipilih.

11. Menumbangkan seorang Perdana Menteri yang dipilih secara demokratik melalui demonstrasi jalanan juga normal.

12. Oleh itu, apakah salahnya saya menghadiri demonstrasi untuk menuntut Najib digulingkan sebagai PM. Menyokong usul undi tidak percaya terhadap kepimpinan beliau pun tidak salah kecuali dalam pemerintahan diktator.

13. Apakah yang boleh dianggap salah adalah mengambil jalan keganasan, perang saudara atau revolusi. Tetapi Najib sedang cuba menjadikan permintaan untuk beliau meletakkan jawatan itu sebagai tidak demokratik dan melanggar undang-undang. Soalan-soalan oleh pihak polis seolah-olah membayangkan ini.

14. Saya sering merujuk kepada kehilangan wang oleh 1MDB dan 2.6 bilion ringgit dalam akaun peribadi Najib. Saya secara terbuka mengisytiharkan bahawa saya tidak percaya 2.6 bilion Ringgit kepunyaan Najib adalah sumbangan dari Arab. Saya percaya ia adalah dari 1MDB. Najib tidak membuktikan ianya tidak wang 1MDB. Apabila anda mengambil sesuatu yang bukan hak anda, ianya adalah sejenis pencurian.

15. Semasa saya PM saya dituduh rasuah, kronisme, autokratik dan lain-lain. Saya tidak mengambil tindakan untuk menjadikan sebarang tuduhan terhadap saya satu jenayah. Saya percaya ia adalah perkara biasa bagi dakwaan sebegitu dibuat. Jika rakyat benar-benar percaya perkara-perkara itu mengenai saya mereka boleh membuang saya. Tetapi walaupun terdapat percubaan untuk menamatkan perkhidmatan saya sebagai Perdana Menteri, rakyat memberi saya sokongan kukuh pada lima pilihan raya. Mereka seolah-olah tidak mahu membuang saya. Walaupun dicabar oleh Tengku Razaleigh, saya mempunyai lebih banyak sokongan daripada dia. Saya menghidupkan semula UMNO dan ia memenangi sokongan dan pilihan raya selanjutnya.

16. Jika saya dikalahkan saya akan menerimanya. Itulah cara yang demokratik.

17. Dengan mengatakan bahawa Najib telah mencuri wang Kerajaan, ia hanya boleh menjadi fitnah jika beliau boleh membuktikan beliau tidak melakukannya. Setakat ini, beliau gagal memberi bukti yang meyakinkan bahawa 2.6 bilion dalam akaun peribadinya tidak datang dari 1MDB dan oleh itu tidak datang daripada Kerajaan. Beliau telah menghentikan siasatan ke atas 2.6 bilion pada akaunnya. Itu membuktikan bahawa dia takut siasatan mungkin membuktikan dakwaan terhadapnya mempunyai kepastian. Melantik orang lain untuk menggantikan pegawai asal adalah campur tangan dalam kerja-kerja penyiasat. Penggantian ini tidak mewujudkan kredibiliti.

18. Fitnah itu adalah suatu fitnah jika anda mengatakan sesuatu yang palsu mengenai seseorang. Buktikan bahawa apa yang saya katakan itu adalah palsu, kemudian dakwalah saya kerana memfitnah. Itu adalah caranya.

19. Pada pandangan saya dan mungkin saya salah, jenis soalan yang dikemukakan adalah untuk menghalang saya daripada terus melakukan atau mengatakan segala perkara-perkara yang saya lakukan. Jika saya berhenti maka Najib akan bebas daripada pendedahan perkara-perkara yang salah yang telah beliau lakukan atau akan lakukan. Rakyat mungkin lupa selepas itu.

20. Mahkamah boleh memutuskan bahawa saya telah melakukan suatu jenayah bagi apa yang saya telah lakukan atau berkata. Tetapi sehingga saya disabitkan salah oleh mahkamah, saya akan terus mempercayai dan menyatakan bahawa saya tidak melakukan sesuatu yang salah dan tidak demokratik.

21. Oleh itu, saya akan terus meminta Najib untuk meletakkan jawatan, tidak mempercayai beliau tentang bagaimana beliau mendapat 2.6 bilion Ringgit, mengkritik pinjaman yang diambil oleh 1MDB dan kerugian yang ditanggung olehnya.

22. Ini adalah hak saya sebagai seorang warganegara. Untuk menafi saya hak-hak ini adalah sesuatu yang tidak demokratik.

91 thoughts on "THE POLICE INTERVIEW"



1. [Log in to Reply sibotak](#) Nov 23, 2015 1:12 AM

Kalau Najib masukan duit 2.6 billion ke account beliau
Macamlah UMNO atau Kerajaan tak ada account
Dan Tiada siasatan yg memuaskan

Sekian Anggota Polis , Anggota Kerajaan ,Anggota UMNO
Anggota PAS ,Anggota DAP dan semus Rakyat jelata

Mulai besok sebelum Subuh , Halal
bagi sesiapa jika ada kesalahan , jumpa duit
duit sumbangan anak yatim pun kalau takda yg nampak takda yg tahu
Halal bagi anda masukan wang tersebut ke dalam kocek atau account anda

Kalau takada account takut nak simpan sendiri
Kasi saya ,Isyallah saya simpankan
Selama.....t ?



2. [Log in to Reply musato](#) Nov 22, 2015 11:46 PM

Surah An-Naas

١() النَّاسِ بِرَبِّ أَعُوذُ قُلْ

Qul a'uudzu birabbin naas

[114:1] Katakanlah: "Aku berlindung kepada Tuhan (yang memelihara dan menguasai) manusia.

[114:1] Say: I seek refuge in the Lord of men,

٢() النَّاسِ مَلِكِ

Maliki nnaas

[114:2] Raja manusia.

[114:2] The King of men,

٣() النَّاسِ إِلَهَ

Ilaahi nnaas

[114:3] Sembahan manusia.

[114:3] The God of men,

٤() الْخَنَّاسِ الْوَسْوَاسِ الشَّرِّ مِن

Min syarri lwaswaasi lkhannaas

[114:4] Dari kejahatan (bisikan) setan yang biasa bersembunyi,

[114:4] From the evil of the whisperings of the slinking (Shaitan),

٥() النَّاسِ صُدُورِ فِي يَوْسُوسِ الَّذِي

Alladzii yuwaswisu fii shuduuri nnaas

[114:5] yang membisikkan (kejahatan) ke dalam dada manusia,

[114:5] Who whispers into the hearts of men,

﴿ وَالنَّاسِ الْجِنَّةِ مِن

Mina Ijinnati wannaas

[114:6] dari jin dan manusia.

[114:6] From among the jinn and the men.

Sila rujuk pada guru yang bertauliah.



3. [Log in to Reply faridina Nov 22, 2015 8:25 PM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Tirai 2015 hampir melabuhkan diri namun PM Najib masih megah bertahta di tampuk pemerintahan negara.

Amanat Tun sentiasa kami dambakan dan setakat ini kami tidak pernah ketinggalan mengikuti siri ceramah Bicara Negarawan (BN) bermula di Taman Melawati diikuti Ipoh dan seterusnya Pasir Gudang.

Kami juga rasa bertuah dapat mengikuti ucapnama Tun dalam bicara politik anjuran UMNO Cawangan Taman Cempaka di Hotel de Palma Ampang selepas itu.

Namun siri jelajah BN yang dinanti2kan ke utara tanahair khususnya Perlis dan negeri kelahiran Tun sendiri iaitu Kedah bagaikan dihalang dan terlarang walaupun MB Kedah itu sendiri bukannya orang lain mengingatkan kami pengkisahan seorang anak terhadap ayahnya.

DS Mukhriz pernah bercerita mengapa ayahnya pernah melarang anak2nya aktif dalam politik selagi beliau masih berkuasa bukan sahaja kerana ingin mengelakkan konflik kepentingan tetapi paling ditakuti akan tiba masanya beliau akan dihadapkan dengan situasi terpaksa memilih antara keputusan politik atau anaknya sendiri.

Lantaran itu apabila beliau dilantik MB Kedah pendekatan yang sama diambil olehnya melarang ahli keluarganya berniaga atau berpolitik di negeri Kedah membuat ayahandanya bertanya "bila yang boleh?", beliau menjawab "bila saya berhenti", ayahnya bertanya lagi "bila nak berhenti?", beliau menjawab "22 tahun lagi", tersenyum ayahandanya seraya berkata dalam hati "ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi".

Semua orang tahu tekanan yang dihadapi oleh DS Mukhriz dewasa ini begitu hebat sekali maka apa yang penting buat masa ini ialah survival politik didahulukan dan main permainan mereka dahulu.

Selaras dengan mukadimah dan senario sebentar tadi elok rasanya digerakkan usaha mengadakan Bicara Negarawan peringkat nasional di Stadium Nasional berskala besar sebelum berlabuhnya tirai 2015 sebagai menunjukkan rakyat Malaysia pelbagai bangsa itu bersatu dalam menyampaikan ketidakpuasan hati rakyat dalam pelbagai isu dewasa ini.

Kalau kita jadi berhimpun bersebab tapi apa cerita dengan tajuk kecil dalam Utusan Online hari ini;

'TPM Cabar Persekutuan Silat';

Kuala Lumpur 21 Nov. – Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi hari ini mencabar Persekutuan Silat

Kebangsaan Malaysia (Pesaka) dan guru-guru silat di seluruh negara untuk mengumpulkan seramai 200,000 pesilat dalam satu himpunan di Stadium Bukit Jalil tahun depan.

TPM berkata , perhimpunan itu bukan untuk mencabar kaum atau agama lain sebaliknya, merupakan satu himpunan untuk menunjukkan Melayu bersatu.

"Kita ada seramai empat juta ahli (pesilat) di seluruh negara yang mana saya memerlukan hanya lima peratus pesilat sahaja untuk berkumpul di Bukit Jalil pada tahun depan.

"Jadi, saya mencabar Presiden Pesaka, Tan Sri Mohd. Ali Rustam jika benar-benar beliau Presiden, saya cuma mahukan 200,000 orang untuk berkumpul di Bukit Jalil, SOAL PEMBIAYAAN JANGAN BIMBANG," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri majlis Pertemuan Guru-Guru Silat Pesaka Malaysia di PWTC, di sini hari ini.

Turut hadir yang digeruni Mahaguru GST Wak Ahmad MustLearn.

Maka kalau jadilah mereka berkumpul tujuannya hanya menunjukkan semuanya boleh dibeli macam Tun selalu cakap, ini Zahid lagi terang2 cakap 'SOAL PEMBIAYAAN JANGAN BIMBANG' maklumlah hanya 200,000 orang kalau budget RM30 seorang, baru RM6juta sahaja tak gitu.

Inilah antara sebabnya kita kena berhimpun di Bicara Negarawan Nasional pada skala besar bagi menolak segala pembaziran dalam keadaan rakyat cukup menderita dengan GSTnya, tolnya, minyaknya dan akan datang dengan TPPAnya pula.

Dahulu kami cukup respek Tok Pa tapi sudah takdir rupanya nama Tok Pa dah lama sinonim dengan akronim TPPA itu sendiri – Tok Pa Pihak Amerika!

Wasalam Tun.

4.  [Log in to Reply azlan95 Nov 22, 2015 5:37 PM](#)

Serentak dengan penubuhan majlis berkenaan, CPOPC yang diasaskan Malaysia dan Indonesia kini merancang untuk membuka keanggotaannya kepada Brazil, Colombia, Thailand, Ghana, Liberia, Nigeria, Papua New Guinea, Filipina dan Uganda yang juga merupakan pengeluar sawit dunia.

<http://www.utusan.com.my>

Opec is for crude oil, CPOPC is for crude palm oil.

Azlan
KL

5.  [Log in to Reply novo Nov 21, 2015 7:15 PM](#)

Salam Tun.

Nampaknya Putrajaya tak perlu lagi pergi ke luar negara untuk pelajari tentang LGBT kerana

Najib telah membawa teman sepermainan golf nya, OBAMA untuk menjelaskan kepada rakyat Malaysia tentang permainan LGBT.

Mungkin Najib dan OBAMA adalah teman sepermainan dalam acara sukan yang lain pula.

Wassalam Tun.

6.  [Log in to Reply](#) **Tanggung** [Nov 21, 2015 7:05 PM](#)

Salam Yg Bhg Tun,

Antara jasa Tun, Tun Hanif Omar, Tan Sri Rahim Noor dan lain2 sehingga berjaya membuatkan PKM meletakkan senjata adalah jasa yang besar. Tiada keistimewaan kepada mereka tetapi prinsip pentadbiran Tun telah melembutkan hati Chin Peng dan akhirnya dia bersetuju untuk menandatangani gencatan senjata. Rakyat telah menyambut berita ini ketika itu dengan sangat gembira. Bagaimana agaknya sekiranya PKM ini masih berlarutan sehingga kini. Mungkin ramai anggota polis masih lagi bergelar Pasukan Polis Hutan PPH. Ramai yang masih terpaksa berkhemah didalam hutan berminggu2 lamanya. Wang negara akan lebih banyak digunakan untuk belanja keselamatan.

Tetapi kini pasukan polis itu telah menyoal siasat Tun seolah2 Tun telah melakukan pengkhianatan kepada negara. Mereka cuba untuk mengujudkan gambaran seolah Tun adalah pengkhianat kerajaan dan negara. Amat bijak adviser matsalleh2 itu.

Ungkapan menteri itu terhadap rakyat selalu sangat disiarkan didalam siaran TV "Marahkan nyamuk, kelambu dibakar". Mereka seolah tidak muhasabah diri. Sebenarnya kelambu itu telah terlalu banyak lubang rompong untuk nyamuk masuk. Ianya tidak boleh digunakan lagi dan patut dibuang dan dibakar.

Salam Tun.

7.  [Log in to Reply](#) **wajaperak** [Nov 21, 2015 5:42 PM](#)

Assallammualaikum Tun.

Saya mohon ruangan..

Sebenarnya amat pahit memainkan satu-satu peranan yang diperintahkan oleh atasan kita. Contoh peranan yang dimainkan oleh Muhammad Bin Abdullah..Baginda pernah mengadu kepada Allah.."Ya Allah jika hambaMu ini menyampaikan dakwah di kalangan mereka maka akan berlakulah sunnatulah para nabi yang terdahulu dibenci dan diusir oleh kaumnya sendiri..Jelas di dalam Al Quran bagaimana Allah memujuk dan mententeramkan RasulNya yang mulia ini..

Pernah seorang kawan di masa saya berusia 15 tahun menyatakan..Jika kamu berperangai begini nescaya kamu nanti tidak akan ada kawan..

Setiap patah perkataan dan perbuatan saya telah saya halusi dengan teliti dan dengan izinNya setiap kali timbul sesuatu persoalan seperti di bawah maka berupayalah saya menjawabnya..

Dalam satu ceramah beliau, seorang peguam terkenal di Malaysia mendakwa pendakwah-pendakwah LGBT adalah ada seorang perempuan yang hafal Al Quran dan belajar pesantren.. Saya hanya senyum sini sahaja.. Beberapa banyak orang perempuan yang menderhaka Allah dan RasulNya?.. Tidaklah boleh mereka ini di dakwa sebagai kaum yang lemah!..

Hujah untu menentang perempuan biadap ini ada di dalam Surah Al Waqiah..

Tun.. Al Quran itu lengkap maka saya tidak akan mengulangi lagi apa yang telah saya katakan terdahulu..

Cuma apa kata kita ambil kisah ajakan Rasullulah s.a.w ini..

Pada suatu malam Rasullulah s.a.w singgah di rumah menantunya Saidina Ali r.a. Baginda bertanya.. "Tidakkah ingin mengerjakan tahajud?.. Saidina Ali menjawab.. Biarlah Rasullulah s.a.w. Jika saya dikurniakan kekuatan akan saya kerjakanlah.. Rasullah s.a.w menegur dengan ayat ini dari Surah Al Kahfi..

جَدَلًا شَيْءٌ أَكْثَرَ الْإِنْسَانِ وَكَانَ ۖ مَثَلٌ كُلٌّ مِّنَ النَّاسِ الْقُرْآنُ هَذَا فِي صَرْفِنَا وَلَقَدْ

BERAPA BANYAK PERINGATAN DI DALAM AL QURAN?..TETAPI MANUSIA MAKHLUK SUKA MEMBANTAH..

Terima kasih saudara Farock, musato, faridina, novo, mr balance dan kepada semua yang menghayati..

Terima kasih Tun.

8.  [Log in to Reply Hajar](#) Nov 21, 2015 4:31 PM

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

Aduhai! Penat baca 'peringatan' dari orang yang sendiripun tidak faham apa makna 'bodek'.

Orang yang membODEK sentiasa mengharapkan 'habuan' dari yang dibodek.

Jika sekadar sanjungan dan pujian kerana rasa hormat apa salahnya (asalkan berpada-pada).

Pujian adalah lebih baik dari hinaan / celaan / cacian.

Sila rujuk kepada **Al-Quran, Al-Hujurat, Ayat 11** (boleh cari sendiri – available at our finger tips) yang melarang menghina, mencela, menggelar, dan menjatuhkan 'hukum' ikut 'kepala h*tak' (guna perkataan yang ada orang di sini suka sangat guna bila 'menasihat' orang lain) saja. Bimbang nanti hukum yang kita jatuhkan kepada orang lain jatuh balik ke atas diri kita, dan orang yang dicaci mungkin lebih baik dari yang mencaci. Contohnya, ada di sini yang suka sangat kata orang lain 'pengikut ibl*s / sya*tan' / 'sesat', silap2 diri sendiri yang terkena balik.

Yang lagi kelakar orang yang 'claim' benar2 mengenali Tun M ialah orang yang sama yang gelar Tun 'pencuri, pembun*h', etc...' dan minta Tun bertaubat. Kenal?

Alahai! Orang lain pun ramai yg kenal Tun sejak dari sekolah menengah dan banyak kali salam / cium tangan Tun M. Tak ada apa2 yang nak dicanangkan... Gambar dengan Tun pun ada...

– Saya doakan Tun berjaya menumbangkan PM Najib @ Ah Jib Gor. –

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***

9.  [Log in to Reply rkmh226](#) Nov 21, 2015 3:52 PM

To : faridina

100% with u. Well said!

10.  [Log in to Reply ilioni](#) Nov 21, 2015 2:16 PM

Salam Tun,

Sharing another interesting news out there today.

[100,000 SPM failures if English compulsory, says deputy minister](#)

You know what: having bad numbers are not acceptable. Until we are willing to face the hard truth, improvement is not possible.

The plan is to have more hours on that topic and not to make it compulsory before we can get more students become competent. How many more years do you need? I agree that increasing the number of hours for English will help but to some extent. Learning a language is not a matter 1 or 2 hours class. It needs to have proper environment and lead by good passionate headmasters with a group good competent helpers. Headmaster should be given some flexibility of hiring retired competent English speaking teacher. Give/Allow some flexibility to the headmaster to implement policies or rules to help the student learn the language. Engage in experienced passionate educationist (I've read a news on Malaysian teacher reaching out to some of the most remote areas to teach these Children English and he is somewhat successful). How did he do it? Learn from him on what he did right and get some pilot schools to do the same and monitor the progress of these pilots schools. Teachers need to be able to communicate proper English to our kids. If we have some teacher who are not very competent in English, should we not help them before we ask them to help our child. Get the more competent English teacher to guide these teacher so that everyone learn together and they can all teach our new generation better. With the right policy and guidance by the teacher, (God willing) we will have a group of competent English speaking new generation again. And, we still need to maintain that our kids learn Malay as well since this is our National Language. How can you call yourself a



Malaysian if you don't know how to read Malay.

11.  [Log in to Reply](#) **sibotak** Nov 21, 2015 11:00 AM

How Rich can a person , a nation be to rob and killed innocent babies , children and hundreds of thousands innocent lives ?

How rich can a person or a nation be Tun ?

Middle East needs a Third Party to Restore Peace there as it was being inflated by US West politicians and their Media

They Never intends Peace there It was never their interest

They Fooled ISIS ,they Fooled their Allies They Fooled the World

Now everyone travel on Board are not allowed to Bring water bottle

A third party from the Muslims Nation have to play the role

Not US, not Russia , not France not the West

As their intention of Peace was never there

When they sit for Peace Tal for Middle East every one of them has their Agendas at the back of their Mind . Till today Nothing improves yet worsen

I call for the Islamic World to comes forward to be the Third Party

To restore Peace in Middle East with Sincerity with Kallimah Allah

Our brothers Ther are confused

They don,t know their True enemy

They been cheated , instill hatred among , been lied , been force to buy weapons expensive ,been force to sell oil cheap

They need us the Third Party from the Islamic Nation

Of all They are waiting for us to make such moves as between conflicts they are unable to see things

Thus a Third Party has to steps in

I call for the Islamic Nation

In the name of Allah

Be hold the Rope of Allah Be not divided among Ummah

I call for Islamic Nation ,Pakistan ,Malaysia , Indonesia ,Brunei Leaders and the many

Come forward to ISIS ,Taliban , Assad , the multiple Rebels Leaders

Come to my House , Sit and Discuss their Difference

Stop their conflicts among in the name of Allah

We are not fighting Nobody

We are sitting for a sincere Peace

Conflicts that have been ignites ,fumes by foreign objects

How rich can a person or a nation be

At the expense of cute innocents helpless babies and children

I Speak on behalf of these Babies and Children

If this Muslims Nation and Leader cannot do

I wish it's a Doomsday tomorrow

12.  [Log in to Reply](#) **balance** [Nov 21, 2015 10:06 AM](#)

wajaperak Nov 19, 2015 10:53 AM

I am not a religious person but i fully agree with your writing.

YES we must not identify ourselves with our thoughts.

Yes we must know that thoughts are just thoughts and thoughts can go either way or both way concurring.

I believe nature are the only facts. I also believe that facts are only good for oneself or ourselves or one person experiences.

When i use "believe" i mean "not conclusion".

You're a great man too

13.  [Log in to Reply](#) **daeng** [Nov 21, 2015 9:54 AM](#)

Assalamualaikum Tun dan semua pengikut blog chedet.

1. Pandang tuan farock perlu diperhalusi dan diterima dengan hati yang terbuka. Terima kasih tuan dan saya antaranya yang suka akan teguran yang membina. KERANA SAYA BUKAN NAJIB MALAH PERANGAI SAYA TERLALU JAUH BERBEZA DENGAN NAJIB.

2. Perangai saya dalam pengikut chedet adalah mirip saudara cruze.

3. Saya seorang yang suka berterus terang.

4. Saya bukanlah seorang pembodek dan kurang selesa bila dibodek.

5. Saya tegas dan agak berani menyatakan pandangan tetapi pandangan yang saya utarakan bukan demi kepentingan peribadi tetapi untuk kumpulan manusia yang hidup di sekeliling saya atau dalam kumpulan pengikut chedet ini adalah demi kebaikan rakyat Malaysia.

6. Seperti yang tuan farock nyatakan tentang perwatakan Tun Mahathir, saya juga faham dengan karektor beliau. Dengan karektor beliau yang saya minatilah maka saya yakin kebanyakan usaha yang dilakukan dan pemikiran beliau selari dengan saya. Yang berbeza cuma pemikiran Tun jauh lebih baik berbanding saya yang biasa-biasa. Yang bagusnya Tun Mahathir ini ialah dia tahu apa yang dia lakukan. NAJIB TIDAK TAHU APA YANG DIA LAKUKAN. Dua manusia ini perbezaannya amat ketara. PALING KETARA NAJIB SUKA DIPUJI TETAPI TUN MENGANGGAP PUJIAN ADALAH BIASA-BIASA.

7. Saya juga dibesarkan alam persekolahan semasa Tun menjadi TPM seterusnya PM hinggalah sekarang ini. Bila Tun berucap dari dulu hingga sekarang, kebanyakannya 99% selari dengan minda saya. Tidak hairanlah saya cukup kagum dengannya kerana beliau berfikir BUKAN UNTUK KEPENTINGAN MINORITI TETAPI MAJORITI.

8. Kesimpulannya Tun adalah pejuang moden di Malaysia yang sukar kita cari ganti. Pemimpin permata yang tiada nilainya dalam dunia Islam kini. Keberanian beliau mengutarakan sesuatu yang benar terbukti bukan sahaja peringkat lokal tetapi peringkat global.

9. Perlu kita perhalusi, SEORANG PEJUANG bukan hidup untuk dapatkan pangkat atau imbuhan tetapi hidup demi menegakkan kesejahteraan orang lain. Jika perjuangannya diterima oleh sebahagian besar rakyat Malaysia, dikagumi oleh sebahagian besar masyarakat Islam seluruh dunia, dikagumi oleh sebahagian besar pemimpin dunia samada kawan dan lawan, siapakah Tun Mahathir berbanding Najib ????? Sendiri nilai sendiri buat kesimpulan.

10. Maaf Tun, prinsip saya TIDAK TUMBUH TIDAK MELATA JIKA TIDAK SUNGGUH SAYA TIDAK KATA. Saya bukanlah manusia hipokrit seperti Najib.

11. Peringkat awal pentadbirannya saya sebagai rakyat yang cintakan negara memberi ruang tetapi setelah 6 tahun pentadbirannya saya amati Najib bukanlah seorang pemimpin yang boleh rakyat Malaysia harapkan atau banggakan.

12. Mengapa saya sebut "Najib bukanlah seorang pemimpin yang boleh rakyat Malaysia harapkan atau banggakan" kerana dia bercakap "bohong", bohong kepada rakyat seperti RM2.6 bilion masuk ke akaun peribadi dianggap tidak bersalah, mengurus tadbir sumber negara secara "tidak bijak", pentingkan diri atau kroni secara keterlaluan, korupsi sekarang semakin menjadi-jadi, menerapkan dasar "bodek-membodek" dalam politik, terlalu seronok dengan pujian, berbelanja wang negara secara boros, campurtangan dalam urusan SPRM, PDRM, KEHAKIMAN, BANK NEGARA serta gagal mengawal ekonomi negara dengan baik.

Wassalam.

14.  [Log in to Reply rkmh226](#) Nov 21, 2015 8:41 AM

Assalamualaikum & Happy Morning...

Dear YABhg. Tun,

I wish to share with you my view during my recent visit to Langkawi.

The first time I met you when I was 10 years old and subsequently in Langkawi (many times) after I came back from States (I worked there) 16 years later for about five (5) years. I could see how you developed Langkawi and I was there during first LIMA – very impressive! Recently, I was in Langkawi for business, but somehow I feel the island now, especially Pantai Cenang area has already lost local / Malaysian identities. The area is full with foreigners as if we were in Kutta, Bali.

The developments there are not well organised n those could lead to disaster. The sad part is the lives of the youngsters (many of them) are affected by bad culture brought by the foreigners. Hopefully, the government would seriously look into it.

Really miss those days in Langkawi.

Wassalam.

15.  [Log in to Reply ilioni](#) Nov 21, 2015 7:01 AM

Salam Tun,

Good one on the response to Yapiem. As usual, the sharp, "sarcastic" straight to the point comment with .

[Dr M: Yapeim held course in Paris to learn about LGBT?](#)

When the world only revolves around one person, you will see it in their action. Adoi. This is how the world sees Malaysia today. 'Very different and very special tau'. Hopefully, kinitv doesn't gets banned



by our "brilliant" multimedia minister from Sabah.

[Outstanding outfit at the APEC family photo](#)



16. [Log in to Reply ilioni](#) Nov 21, 2015 6:40 AM

Salam Tun,

farock, support your comment on bodek – farock Nov 20, 2015 3:16 PM



Hopefully, you don't see me as one.

Let's be constructive, learn from one another and build a better Malaysia. What others have done right and avoid doing what others have done wrong. To do that, a change of leadership is inevitable the first step. Period. Question is how (if not when)? If not now, the payback time will be in 2018. Mark my words for it...



17. [Log in to Reply faridina](#) Nov 21, 2015 2:53 AM

uhAssalamualaikum Ayahanda Tun,

Hari ini jalan banyak yang sesak, tambah menyesakkan otak yang dah sesak ada orang pula beri peringatan cara-cara hendak menulis dalam blog keramat ini.

Tuanpunya blog pun tidak pernah lantik sesiapa jadi jurucakap atau tukang pantau, waimanya yang beri peringatan pun belum tentu tulisannya digemari orang maka terimalah seadanya.

Penulis-penulis di blog ini terdiri dari pelbagai latarbelakang dan ideologi, pelbagai bangsa dan agama, namun majoritinya mempunyai hasrat yang sama menolak pemimpin korup yang menindas rakyat.

Maka lebih elok fokus pada isu semasa dan jangan berbalah sesama sendiri kerana pemantau sebenar blog ini kelak akan bertepuk tangan pula sebab tak perlu hantar siber trooper ke blog ini.

Sesiapa kalau rasa nak bodek Tun bodeklah paling kuat Tun senyum, kita pun tak nampak dan tak dapat apa pun sebab dalam blog ini ada juga orang keji Tun dan Tun tetap senyum dan tidak pula halang tulisan dari tersiar.

Buat bro wajaperak dan engineer.. chill bro.. Islam itu tidak memberatkan dan bukan kerjanya nak bashing orang lagipun perkara kecil tak usah dibesar2kan apatah lagi pada kaum yang lemah ♀

Sekian sahaja ayahanda Tun, kalau tulis panjang2 nanti jauh batu meluat pula.

Wasalam Tun.



18. [Log in to Reply sibotakNov 21,2015 2:02 AM](#)

World are Blinded with Lies
Everyone pretends not to know

For Syria Peace

It's logical for Assad, ISIS and the Rebels leaders to sit

And square out their conflicts on the Table

What we see US and the West

And it's none of their business interfere with others affairs

They talk about Peace process yet they have evil greed thoughts at the back of their mind .No wonder Syria, Palestine and many other conflict never solves till today

The facts the true sincere intentions never exists

They did it in Ukraine and at peace not as the sincere intentions is there

I wish Malaysia , Indonesia and Brunei can dare to call

Assad, ISIS and the Rebels to sit and solves all their nonsense

Of all they are never of conflicts between them it's just US fumes it more

They are confused as such a third party Malaysia can be have to organize them for Peace Talks

We are not fighting anybody

We just want to unite these three out of their confusion



19. [Log in to Reply sibotakNov 21,2015 1:50 AM](#)

Najib intends to clarify in public is not relevant

An interrogation and investigation must take place regardless

\$2.6 billion into his account is simply very wrong

Does not UMNO or Govt has its own account ?

Was the money brought in cash and he made customs declaration ?

Was it not an offense ?

Just because is a PM Did he think Malaysia belongs to him?

If Najib can clarify his wrongs doings

So can all those thieves ,robbers ,corruptors ,the criminals

Just clarify in public You are excuse

So Malaysia need no prisons perhaps Five Stars Hotels will blooms as many gets away with their crimes with the bags of money

It very much seems like US political system

The Weak the Innocents the poor will be Wrong though they're are right

The strongest will look right though they are wrong

For US two world trade centre building collapsed

Does it consent US to destruct 4 major nations Iraq, Libya, Syria, Afgan and the many more ?

Does it not looks clear it is invasion ,Sept 11 and now France is fabricated to gives them more reasons ?

Are the World Blind ?

How far can US , West politicians be Rich at the expense of innocents children

Late news Malaysia Minister was targeted by ISIS

Where does the news or facts came from as also reported in S,pore Media

Does ISIS inform them ?

It's merely fabricated lies to instill hatred , conflicts ,division among Muslims

These must always the the Highlight between Muslims

It is a physiological War as confessed by Bush early Sept 11

It's all being framed with fabricated lies

I do not see Najib can see these

He has no vision and He did nothing for Malaysia till today

During Tun Mahathir Malaysia was threatened by Soros Scams to bankrupt Malaysia

I thanks to Tun as he is a savior to Soros scam

If Najib was at that time I beliefs Malaysia will be Sold

20.



[Log in to Reply](#) **cruze** Nov 20,2015 10:05 PM

Bang farock, saya tak bodek Tun kan? Saya hanya kerap kali membahaskan perbezaan cara dan kualiti antara Tun dan lain lain PM.

Saya ikhlas nyatakan kebagusan cara pimpinan Tun, kerana sebagai masyarakat yang amat jauh tarafnya saya sedar saya tak mampu berjumpa Tun.

Itulah sahaja cara berterima kasih yang mampu saya sampaikan kepada Tun kerana. Dari mula Tun memimpin negara saya membesar, belajar dengan hasil biasiswa dari kerajaan dan memperoleh keselesaan hidup sekarang.

Tiada apa pun yang saya harapkan balasan dari Tun. Hanya dengan melahirkan rasa kagum di blog beliau.

Dan saya hanya menumpang di blog ini untuk menyatakan rasa tidak senang dengan sikap menteri zaman ini yang asyik membuat dan berkata yang boleh memalukan bangsa melayu.

Tak mungkin ketua kampung tok penghulu, adun, menteri malah akhbar mahu membawa ke atas rasa hati rakyat bawahan seperti kami ini dan lagi saya tidak punya serta tidak berminat pada facebook, Instagram dan Tweeter.

Saya setuju akan hal hal islam dan iman yang bang farock nyatakan.

Semuga semua penulis bersabar dan jangan bertengkar sesama sendiri. Kita harus tetapkan hala tuju.

21.  [Log in to Reply HouseWife](#) Nov 20, 2015 9:25 PM

Salam Tun,

I'm sorry to say I've never met you "live" nor being a foot near you, but you've brought a great impact to me in the ways of thinking and looking at things without being too prejudice or too judgemental. Your approach of looking and judging at things is way beyond anyone's means to dissect.

Tun, I don't believe one bit that you don't feel an iota of appreciation when someone penned down or utter words of praises to you. Even if you just give a twitch of a smile, that means a lot.

It means you do 'hear' what we say and thought of you, Tun.

Tun, selagi jejari ini diizin Allah untuk bergerak, selagi akal masih waras, sebelum saya dipanggil (mati itu datang tanpa mengira masa dan usia), selagi itu saya akan tebarkan 'permaidani' indah terhadap Tun diatas usaha dan titik peluh Tun yang tidak henti-henti untuk membawa Malaysia ke landasan yang benar. Nobody can take my rights away in saying, in thinking and in writing what I think of you Tun.

Thank you Tun for 'listening'.

Tun, how do you find this new chairman of PAC? I think he did not start off well because he slipped his tongue. He's talking to the press and what he says will be printed out. As an intelligent lawmaker, he should think twice before he speaks to the press. A press conference is no laughing matter, the contents are serious so he should be serious and precise.

Now, he's 'merajuk' with the press people and want to boycott future conferences. Anyone to 'pujuk' him?

Tun, MACC not seeking interpol's help in 1MDB probe? So these people are presumed innocent and free as birds? Now PAC says "not necessary" to call in DSN for query on 1MDB. Why? The people want to know their part of the story. Let no stones be unturned. Every persons involved, from the highest Person A to the lowest Person Z must be called in, queried and scrutinized. Why is It so difficult for them to do their jobs? Go by the books, follow the rules of law set by themselves, the elected lawmakers. New set of committees in the new PAC must come with new set of investigations, the previous records are deemed unwholesome and malignant. These are my just the thoughts of a housewife. My right to 'speak' my thoughts to Tun.

Tun, May you find success in all your undertakings. May Allah Bless you Always. May Allah grant you wealth in health and happiness. And thank you Tun for your Time. Take care Tun.

22.  [Log in to Reply musato](#) Nov 20, 2015 5:49 PM

Assalamualaikum Tun.



Wajaperak and farock

Terima kasih.



23. [Log in to Reply farock](#) Nov 20, 2015 3:16 PM

Assalamualaikumw Tun dan muslimin..

Minta ruangan Tun.

Kepada saudara "Wajaperak" ..Saya bersetuju dengan apa yang saudara katakan.Agama bukan mainan.Ramai bloggers di sini pakai hentam suka dia orang bila cakap tentang agama dan haram halal.Mereka pakai logik mereka saja.Baru baru ini saya ada menegur tentang perkara tersebut.

Di antara kita,tiada siapa yang jahat atau lebih pandai.Sebagai Islam, kita harus perbaiki dan menegur antara satu sama lain bila ada yang tak betul.Teguran itu bukan bertujuan untuk bergaduh atau tunjuk pandai.Teguran di buat untuk mengingatkan mereka yang tersasar dan mengingatkan diri sendiri apa yang betul dan salah.

Kepada bloggers, saya harap akan lebih sensitif bila menulis yang berkaitan dengan agama.Memang hak anda untuk menulis apa yang anda suka tetapi bila melibatkan statement2 yang menyesatkan,mereka yang lebih tahu pasti akan dan wajib menegur."Kalau kail panjang sejengkal,ikan di lautan dalam jangan di duga,".Pendek kata (bukan panjang yang kata),bila anda bercakap tentang agama dan tuhan dan anda sendiri tidak pasti tentang fakta2 anda,lebih baik duduk diam2 sahaja! Bak kata pepatah English,"IF YOU DONT HAVE ANYTHING GOOD TO SAY WHICH CAN BENEFIT EVERYONE,PLEASE KEEP QUIET!!

Kepada saudara Waja perak,terimakasih untuk peringatan anda kepada semua.

Satu lagi peringatan pada penulis2 di blog ini,tolonglah berhenti bodek Tun!Untuk makluman anda,perbuatan anda menjelikkan!!Biar saya kongsi satu rahsia dengan anda semua.Saya benar2 mengenali Tun.Bila ada orang membodek beliau,Tun akan mendengar,kemudian dia hanya akan tersenyum.Tun bukan Najib!!Tun tak makan bodek!Sebagai pemimpin bijak,Tun tidak akan menegur kaki bodek tetapi dia tidak akan memperdulikan langsung apa kaki bodek kata.Bila berbincang dengan Tun,cakap point to point tanpa membuang masa Tun dengan menyelitkan bodekkan anda.Tulis perkara yang anda ingin bincangkan,tulis pandangan anda dan pendekkan tulisan seberapa yang boleh."TIME IS MONEY"!

WASSALAM.



24. [Log in to Reply superman1](#) Nov 19, 2015 3:43 PM

Salam Tun,

Rindunya untuk menaip diruangan ni. Macam macam berita hangat sejak akhir akhir ni. Berita YaPeim joli duit pendermanya, Si Arul nasi Kandar dengan statement putar alam dia, mahkamah pulak kata Khairudin dengan Matthias tak lakukan kesalahan dalam SOSMA lah.... dan yang terbaru polis songlap duit. Haaa!!! Polis songlap duit?. Ingatkan polis letupkan orang je...

Yang pastinya mesti ada cover up. Percayalah. Ni Malaysia. Yang berkaitan dengan agama pun orang orang yang ada kuasa ni tak akan peduli. Ada peluang sapu. Guna lah apa apa alasan dalam kain pun. Kursus kahwin kat US?. Hahaha... lawak giler. Tak lama lagi ada jugak kenduri kahwin buat kat US jugak. Guna lagi duit YaPEIM. Ada peluang lagi main golf kat sana. Takpe takpe... guna jer alasan YaPEIM " DERMA ".

Yang Si Arul pulak, apalah yang boleh diharapkan dengan muka si penipu ni. Dari dulu lagi kerja dia kelentong. Dulu dia kata duit ada kat Singapore pun kencing jugak. Macam mana pulak mangkuk hitam ni boleh keluak tv bagi penjelasan. Hai...

Pasal SOSMA pulak...SOSMA ke ROSMA ni???. Bila mahkamah kata Khairudin dengan Matthias tak ada kesalahan dalam SOSMA.... Sedap je si Zahid lepas tangan. Dia ingat 2 orang ni kena tahan duduk hotel 5 star ke? Lagi satu...berani pulak hakim tu kata tak salah ya. Nak kena buang agaknya.

Polis ooohhh polis. Dulu security guard rompak bank. Sekarang polis pun sama jugak.Rasuah jangan cerita lah. Ni songlap duit projek pulak dah. Nak buat macam dah...Boss besarkan "SAPUMAN....MAN OF STEAL". "DERMA" lagi...


Saban hari satu satu kes "DERMA" terbongkar. Yang salah ni pulak bukan main lantang lagi nak saman orang yang bongkarkan kerja dia. Sampai kembang kembang hidung tegakkan benang basah...

Don't worry. Selagi Najib PM.... malaun malaun scott free.

25.  [Log in to Reply **superman1**Nov 19,2015 3:08 PM](#)

Salam Tun

Rindunya untuk menaip diruangan ni. Macam macam berita hangat sejak akhir akhir ni. Dengan Ya

26.  [Log in to Reply **cruze**Nov 19,2015 1:54 PM](#)

Gambaran tidak bijak menteri sekarang apabila rahman dahlan berkata isu besar apabila wakil pembangkang mahu menggunakan bahasa inggeris dalam urusan.

Besar atau kecil apabila isu memansuhkan hukuman mati kepada pengedar dadah ole nancy dan zahid?

Najib sudah mengiraka kos makan minum dan lain lain si pengedar apabila berada di penjara seumur hidup?

Lebih baik kos biaya pengedar dadah dalam penjara seumur hidup di alihkan kepada penambahan pemberian Brim.

Makanya semakin bertambah dan bermaharaja lela lah pengedar dadah dalam negara kita.

Dan jumlah penagih dari anak bangsa akan bertambahlah selepas ini.

Jangan pula nanti nak tunjuk baik sangat di mata dunia mereka berdua meminta di mansuhkan hukuman mati kepada pembunuh.

Tun lebih bijak tangani masaalah negara.

27.  [Log in to Reply Hajar](#) Nov 19, 2015 1:54 PM

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

<http://www.thestar.com.my/News/Nation/2015/11/19/pac-decides-no-more-pc-after-cari-makan-remark/>

Alahai! Malang sungguh bila kita dapat Pengerusi PAC baru (yang dulu pula dah berubah wajah bila dapat jawatan kabinet; cari makan juga?) yang bekerja untuk 'cari makan' saja (agaknye) berdasarkan kenyataan beliau, " Janganlah, saya pun nak cari makan..." bila wartawan tanya samada PAC akan memanggil PM Najib @ Ah Jib Gor untuk memberi keterangan mengenai 1MDB.

Sebagai orang yang AMANAH (beliau juga wakil rakyat – MP), beliau TIDAK sepatutnya TIDAK memanggil DSN yang juga Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB @ Menteri Kewangan @ PM yang mengasaskan 1MDB, sebuah syarikat 'sarat hutang' yang amat bermasalah dan banyak melakukan transaksi2 yang meragukan yang ternampak ada elemen 'money laundering'.

Lagipun DSN ialah orang yang menerima transaksi RM2,600 JUTA ke dalam akaun peribadi beliau. Mungkin Pengerusi PAC buat2 tak nampak sebab sibuk 'cari makan'. Takut?

DSN wajib disiasat untuk penyelewengan, pecah amanah dan salah-guna kuasa.

Terima kasih Tun.

P/S: Kepada Saudara 'Musato', saya juga amat yakin yang Tun tidak akan keluar UMNO kali ini kerana biasanya Tun M bertindak menggunakan strategi berbeza dalam keadaan berbeza – 'unpredictable'. Sebab itu 'lawan' beliau selalu hilang punca.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***

28.  [Log in to Reply daeng](#) Nov 19, 2015 11:50 AM

Assalamualaikum Tun.

Ingin mencelah komen dari "musato":

Eloklah Datuk Paduka Mukhriz rapat dengan ulama pondok di Kedah. Usahlah merapu macam dia orang ini. Hadir ke majlis ilmu dan berdampingan dengan orang soleh lagi diredhai Allah swt.

Saya setuju dengan musato. Pemerhatian saya dari luar parti, imej Mukhriz sekarang agak baik. Orang di luar parti atau politikus atau lebih tepat lagi "rakyat atas pagar" melihat Mukhriz sebagai prospek seorang pemimpin yang boleh diharapkan.

Saya terpenggil dengan komen musato ini dan menasihati Mukhriz jika ditakdirkan menjadi seorang PM Malaysia pada masa akan datang, buanglah jauh-jauh perangai PM terkemudian dari Tun dan bangunlah dengan identiti seorang pemimpin bijak demi rakyat Malaysia dari Perlis hinggalah ke Sabah. Basmilah rasuah secara bijaksana dan tegas. Rasuah adalah punca segalanya keburukan dan yang merosakkan Malaysia masa kini. Jika perlu gubal perlembagaan negara, guballah agar ianya boleh memberi acuan pentadbiran yang lebih mesra demi majoriti rakyat Malaysia. Sememangnya dalam 100 orang ada juga yang tidak suka kita tetapi jika peratus benci PM nisbah suka PM menjadi 10:90 bagi saya ia sudah cukup baik. Perlu diketahui nisbah sekarang adalah 75:25 .

Oleh itu untuk PM akan datang, demi mengembalikan keyakinan rakyat kepada PM, PM akan datang wajarlah bijak dan mendapat kepercayaan rakyat ketahap semaksima yang mungkin.

Wassalam.



29. [Log in to Reply wajaperak](#) Nov 19, 2015 10:53 AM

Assallammualaikum Tun.

Saya mohon ruangan.

musato

[Tiada istilah orang baik mahupun orang jahat. Dalam ilmu Islam atau pun tasawuf, perkara yang buruk dan haram pun Allah ajarkan]

Seperti biasa anda suka sangat gunakan kepala otak sendiri.

Anda lupakah pesanan Saidina Umar r.a tentang menjadi pengikut dan tidak menjadi perintis?

Anda lupa doa Rasulullah s.a.w ini?

" Ya Allah, jangan Kau tinggalkan aku untuk diriku walau sekelip mata atau yang lebih sedikit dari itu. Kerana jika Engkau meninggalkanku, maka Kau tinggalkan aku dalam kelemahan, aurat dan kesilapan. Dan aku tidak percaya kecuali pada rahmatMu." (HR al-Baihaqi)

Di dalam Al Quran tiada mana-mana ayat yang menyatakan bahawa perkara yang buruk dan haram Allah ajarkan..Pernyataan ini amat biadap dan bertentangan dengan Sifat 20 Allah.

musato..jangan suka guna kepala otak sendiri dalam beragama..

Cari Ayat Al Quran tentang perkara yang berkaitan..

Terima kasih Tun.



30. [Log in to Reply chester](#) Nov 19, 2015 7:42 AM

Tun:

Perhaps you feel flattered to know that as you enter your 10th decade, you still have the power to make some people so frightened that they have to bring you in for questioning. The whole thing seems incredibly disrespectful. I wonder if the government leaders who have done this know their actions make them seem incredibly foolish. Maybe you should have stayed on as senior minister, controlling things more officially from the top of UMNO.

31.  [Log in to Reply faridina](#) [Nov 19, 2015 1:15 AM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Alhamdulillah..as what you have always said there is no case under Sosma to be charged against DS Khairuddin and Matthias and great to hear you saying "Justice have been done".


Great to see both of them in high spirit and Khairuddin even make a resounding remarks "BUT I SHALL NEVER STOP MY STRUGGLE TO SEEK THE TRUTH, I WILL FIGHT TILL THE END! DON'T WORRY"

Salute for both of you Sir!


Salute to ayahanda and bonda Tun..

Salute to Tan Sri Sanusi Junid and Puan Sri..

These two loving couple made it to the court to follow the hearing and there goes some happy

ending  .

Wasalam Tun.

32.  [Log in to Reply musato](#) [Nov 18, 2015 10:19 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Nampaknya Najib apabila ada masalah selalu cari kawan untuk selesaikan. Tak boleh fikir dan bertindak sendiri.

Pasal penggal memenggal pun sibuk nak bincang kl-manila. Ayat klise 'saya mengutuk peristiwa yang tidak berperikemanusiaan ini'.

Menteri menteri pun bercakap sekadar makan gaji, padahal memegang jawatan dalam kerajaan tidak boleh dipisah dengan politik.

Bila bercakap kena pastikan keutamaan dan keseimbangan rakyat dititikberatkan secara keseluruhan.

Bukan sekadar bercakap berdasarkan kementerian yang dipegang sahaja. Bila nyawa diri sendiri jadi taruhan, kecoh satu Malaysia nak dihebohkan.

Kononnya akulah yang boleh guna segala aset senapang, bom untuk kalahkan kamu.

Dari PM sampai ke Menteri Pertahanan sama sahaja. Dulu masa rakyat Malaysia disekat dan ditahan masa hantar bantuan ke Palestin, PM pun sibuk mengaku dianya berani jugak.

Maka keluarlah cerita yang Tun Mahathir pernah tak bagi ke barisan hadapan atas alasan risiko masa satu peristiwa tu. Tapi dianya kata saya tetap pergi jugak. Iyalah, orang berani katakan.

Yang Menteri Pertahanan tu pun, masa krisis ekonomi 2008 diselesaikan pun amat beremosi sampai nak menangis sebab ada orang bantu Najib ketika susah.

Kesemua ini adalah cerita cerita anak bekas Perdana Menteri Malaysia.

Eloklah Datuk Paduka Mukhriz rapat dengan ulama pondok di Kedah. Usahlah merapu macam dia orang ini. Hadir ke majlis ilmu dan berdampingan dengan orang soleh lagi diredhai Allah swt.

Tiada istilah orang baik mahupun orang jahat. Dalam ilmu Islam atau pun tasawuf, perkara yang buruk dan haram pun Allah ajarkan.

Kalau IS berani mati, apa kurangnya kita. Mungkin lebih lagi. Cuba, try, testlah.

Saya mengaku sejak dulu, saya tidak sentiasa boleh memberi komen yang berat dan bernas kerana saya akan 'tumbang'.

Sebab saya sekarang sedang menjalani kehidupan diperingkat bawah. Ianya bertentangan apabila nak bagi komen high level setaraf dengan pemikiran Tun.

Tapi okey je selama ni, kan.

Saya tahu Tun tak buka pelawaan pada awam, tapi saya terfikir untuk nyatakan minat pada The Loaf. Rasanya itu kemahiran saya.

Saya terfikir. Saya perlu rapatkan diri pada guru saya. Tun Mahathir.

Seorang yang dihormati diperingkat global dan memegang tampuk pemerintahan yang lama.

Jika seorang pemerintah tidak berguru dengan seorang pemerintah, maka siapa lagi?

Jika seorang pemerintah hanya berguru dengan seorang pembuat roti, apa agaknya akan jadi?

Terima kasih Tun.

33.  [Log in to Reply ir.miringila](#) Nov 18, 2015 5:30 PM

salam tun.

izinkan saya,

saya suka membaca hujah nombor 15 tun, dan saya nak tambah sedikit... akhirnya musuh-musuh politik tun kecewa kerana tidak berjaya mengalahkan tun kerana tun telah meletakkan jawatan

sebagai pm secara tiba-tiba.. dah lama dah.. kata tun. berapa ramai ahli politik yang jatuh moralnya akibat tidak dapat lagi bersaing dengan tun untuk membuktikan mereka lebih baik pada tun.. betapa pm-pm selepas tun terus dibayangi oleh kisah-kisah kejayaan tun didalam pentadbiran mahupun politik... dan ada diantaranya yang terdesak untuk kelihatan lebih hebat daripada tun... sesiapa jua yang menjadi pm selepas tun terpaksa melalui perbandingan antara tun dan mereka. saya merasakan yang bayang-bayang tun akan terus membayangi dan menghantui+ mereka untuk tempoh sepuluh hingga dua puluh tahun lagi... maka jika kita tidak menemukan pemimpin yang sama atau lebih berkaliiber dari tun, maka kita akan menghadapi masalah-masalah seperti yang telah dan sedang berlaku yang berpunca dari tampuk pimpinan..

hanya pendapat saya,

terima kasih tun.



34. [Log in to Reply](#) **cruze** Nov 18, 2015 4:46 PM

Tun tak perlu cium keris untuk tunjuk kesetiaan kepada negara dan keikhlasan kepada kami rakyat. Kisah belon perempuan, belon kuning dan najib tak habis2... bukan cedera pun najib dan sang isteri sebantol tu kerana belon kuning.

Tahun 2006 di kelantan tun relex je bila orang sembur dengan pemedih mata di mukanya.....baru belon yang lembik.

Sepanjang 22 tahun kelihatannya Tun tetap di segani oleh allahyarham Tok guru nik aziz (hj hadi pula hancurr tanpa pendirian), mendiang karpal singh dan lim kit siang juga kelihatan respect terhadap Tun.

Zaman najib ni dah kenapa melalut hingga azalina berebut tempat dengan MP lain lah, ku nan kecoh sangat tentang ahli2 dari N9 dan selangor yang hilang percaya. Azalina galakkan lelaki bersentuhan dengan wanita, nancy yang mahu dapat pujian dunia akan usul terbarunya.

Kem pembunuhan yang sahidan kasim nak buat tempat perancangan dah siap? Ladang mempelam di perlis pokoknya dah besar?

Ahmad maslan tidak buat rancangan cheff lagi? Bertambah tak pelancung sejak ringgit jatuh, kenapa kos umrah naik 30% sejak ringgit jatuh (husni dan nazri kata ringgit jatuh bagus untuk negara), mh370 dan satu lagi bagaimana? Kotak hitam helikopter jamaludin jarjis bagaimana? Banyak lagi hal...

Apa semua ni.....bila nak selesai? Tanah Trx dah laku tak? Duit kwsp, tabung haji dan lain2 dah di pulangkan dengan interestnya?

Asyik2 meeting, golf, ke luar negara dan lain lain.

Semua masaalah yang mereka ciptakan di serah kepada polis hinggakan yang harus bersusah payah di sempadan filipina pun polis, yang mulut celupar mencabar mereka adalah orang lain



35. [Log in to Reply](#) **Hajar** Nov 18, 2015 1:40 PM

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

1. Pada Sabtu lepas (14 Nov 2015) diadakan sesi penerangan mengenai 1MDB. Saya lihat sedikit sedutan penerangan Mr. Arul Kanda Kandasamy di TV, dan tonton video berkaitan.
2. Seseorang bertanya mengapa harga belian IPPs (semestinya yang sedang beroperasi) yang telampau tinggi (jauh lebih tinggi dari harga pasaran).
3. Dalam jawapan Mr Arul Kanda, beliau menyentuh tentang tariff letrik; kata beliau 1MDB (dia tersasul sebut 'Kerajaan' beberapa kali) MEMBIDA dengan tarif lebih rendah (dia bagi contoh) untuk projek station janakuasa 'BARU' 3A, 3B, 4A, 4B. Konon memberi manafaat kepada rakyat (konon saja sebab sekarang apa status projek tersebut?)
4. Apa yang Si Mr. Arul merepek? Orang tanya pasal harga IPPs yang lama (beroperasi) yang dibeli beberapa billion ringgit lebih tinggi dari harga pasaran yang sikit pun TIDAK ADA KAITAN dengan bidaan projek janakuasa BARU tersebut (yang turut dibida oleh TNB).
- 5, 'Goodwill' (RM2 billion) konon (lebihan bayaran)! Yang sebenarnya 1MDB bagi 'DERMA' berbillion kepada penjual2 IPPs tesebut (previous owners of the IPPs).
6. Bagi saya ini jawapan paling dangkal dari 1MDB, dan cuma orang bing*ng saja yang boleh terima.
7. Agaknya selama Mr. Arul & gang BERTAPA (diberi 6 bulan), ini lah IDEA PALING BIJAK yang boleh difikirkan oleh beliau & pengurusan 1MDB untuk menjustifikasikan harga belian IPPs yang telampau tinggi dari harga pasaran. Apa dia ingat semua orang boleh diperbodoh dan dikelentong? Yang menyakitkan telinga, 'tukang sorak' yang dibawa entah dari mana, bertepuk tangan dengan gemuruhnya! Tepuk tangan sebab seronok kena tipu agaknya.
8. Dari mimik muka dan 'tone' suara, memang ketara Mr. Arul Kanda Kandasamy berbohong. Lagipun jawapan beliau memang tidak masuk akal. 1MDB 'derma' duit berbillion ringgit dari penjimatan dari satu 'potential project' (belum pasti lagi!Konon saja – macam 'Mat Jenin') kepada penjual aset2 lain yang tidak kena mengena dengan projek yang dibida ! Kebod*han apa kah ini?
9. Apapun saya doakan semoga Tun dikuatkan semangat untuk terus berusaha mendesak DSN meletak jawatan secepat mungkin. Jika begini cara DSN & gang berniaga (1MDB sebagai contoh), memang akan lingkup Malaysia dibuatnya. ALLAH S.W.T. sentiasa bersama orang-orang yang benar.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***

36.  [Log in to Reply HouseWifeNov 18,2015 12:53 PM](#)

Salam Tun,

Alhamdulillah Tun, I'm so happy for you that your two friends who have sacrificed so much for you and us, have been set free on bail. They are free from charges under SOSMA. Hope they are well and safe. Tun, you must be so glad to see them and miss them cos they are truly your friends dunia and akhirat. Hope there are no restrains on them and can freely walkabout, but always be on a lookout, for safety reasons.

Tun, what do you think is DSN's and gang's next move? I'm sure they're pushing every panic buttons

they could fine for the next onslaught, or maybe they start to run to their panic rooms.
Tun, I'm sure you know by now that Israel PM and his gang are at risk of arrest if they set foot in Spain, for their involvement in the attack on the Freedom Flotilla aid ships in 2010, trying to reach Gaza which lost 9 lives. This is justice upheld, a court judge from another country can issue an arrest warrant to a PM and other individuals of another country for their wrongdoings directly or indirectly. What do you make of this Tun?
Tun, you have not violated any laws in or outside the country so you have nothing to fear . Carry on Tun in your obligations, your fight to save Malaysia to wake her from her long slumber and her 'tidak apa' attitude. We need someone like you to knock our heads, to stop daydreaming and start to fight back for our dignity. Please take good care of your health too Tun. Follow your doctor's orders. May Allah Bless you Always Tun. And May Allah grant you Great wealth in health and happiness. Thank you Tun.

37.  [Log in to Reply wan brats](#) Nov 18, 2015 11:53 AM

Assalamualaikum Yang Berbahagia Tun, semoga Tun sentiasa di kurniakan kesihatan dan kesejahteraan. Sesungguhnya rakyat amat memerlukan Tun dalam membela nasib rakyat dan juga kedaulatan negara agar terus terpelihara. Amat merisaukan kerana pentadbiran negara pada hari ini semakin tidak mempedulikan keadilan dan kesejahteraan negara kerana mereka di lihat lebih mementingkan kepentingan peribadi seseorang individu tanpa mengambil kira keadilan dan hak masyarakat yang menginginkan kedaulatan negara yang tercinta ini agar terus terpelihara dalam menuju jalan kejayaan, sekiranya pertadbiran yang sebegini di biarkan terus berkuasa akibatnya ketidakadilan itu juga semakin bermaharajalela. Jika insan seperti Tun mereka sanggup membuat sesuatu perangkap untuk menyalahkan Tun terhadap sesuatu perkara yang mereka lakukan semata-mata ingin kekal berkuasa, apatah lagi nasib rakyat2 biasa yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan dan juga pengaruh untuk menangani situasi2 seperti yg mereka lakukan terhadap Tun. Sedangkan suara rakyat tidak di hiraukan dengan begitu mudah mereka berkata dengan melemparkan kenyataan2 sombong mereka untuk mempersendakan rakyat. Kenyataan2 seperti "Jika rakyat x suka kerajaan , rakyat boleh balik kampung tanam jagung," "rakyat tidak payah duduk kt Malaysia klu tak suka, boleh duduk kt bulan". Mereka terlalu angkuh dalam memegang kuasa seperti negara ini adalah hak milik kepunyaan mereka dan bukan lagi sebagai tanggungjawab dan amanah yg perlu mereka pikul dan galas sebaik mungkin. Jika beginilah situasi pada hari ini, sudah pasti penyelewengan itu mudah di lakukan kerana sesiapa yg cuba mempertikaikan atau mempersoalkan sesuatu perkara atas dasar prihatin pada hak rakyat dan negara akan di kenakan tindakan pula kerana di anggap sebagai satu kesalahan. Hanya Tun sahaja yang mampu mengubah keadaan ini, semoga Tun sentiasa di beri kekuatan dari Allah SWT dalam meneruskan perjuangan ini. Terima Kasih Tun.

38.  [Log in to Reply mokhtar](#) Nov 18, 2015 9:25 AM

Salam Tun,

We hv a PM who sifu is a Cinaman who advise to borrow money for business, we also hv a DPM who sifu is head of the under world,.. no wonder the former (pendatang Bugis) behave like a conman and the later (pendatang Jawa)like a gangster..kita rakyat Malaysia yang kena goreng dan dibuli hidup2 oleh mereka...telah menjadi precedence that sesiapa yang membuat laporan salah laku atau korup terhadap pemimpin2 negara adalah satu kesalahan besar jenayah..biarkan najib dan zahid terjun dengan labu2nya..

39.  [Log in to Reply](#) **daeng** Nov 18,2015 6:41 AM

Assalamualaikum Tun.

Izinkan saya mencelah komen Musato berhubung kematian seorang rakyat kita dari Sarawak oleh kumpulan Abu Sayaf.

Saya juga yakin kenyataan yang dikeluarkan oleh menteri-menteri yang bercakap menggunakan akal yang kurang cerdas seperti Hishamudin mengundang padah kepada rakyat kita yang ditawan.

Kenyataan nancy syukri juga mencadangkan hukum mati dimansuhkan dinegara ini juga agak pelik dan kurang bijak.

Akhir-akhir ini menteri-menteri kabinet pilihan najib ni Tun ternyata mentalitinya terlalu rendah seperti najib.

Ini adalah satu faktor rakyat akan menolak BN pada pru 14 nanti.

Saya yakin Tun.

40.  [Log in to Reply](#) **sibotak** Nov 18,2015 4:07 AM

It's a matter of Principle
Najib ruling has no principle

Not just \$2.6 Billion , \$2.60 cents also is Wrong
Aboves the Clown of Najib it goes to his own personal account
I think if Najib pocket is Big He will put it in his pocket
It's as Good and It is Evidence

\$2.6 billion into Clown Najib account ?
Sponsored by Arabs for Elections
What ? UMNO got no account meh ?
Najib is taking a ride on his Ministerial post
So ini dia Anak Tun Abdul Razak
Eh ! Tak macam Arwah Bapa dia eh !
Arwah Bapa dia Baik.....yelah Bini bapa dia macam mana.....lain
Memang Tiger ,,,,Yg ini macam Lion....mengembang macam air bag
Cicak Jatuhk tak akan mati ...dia macam Tilam

Tak Malu ke Najib di pandangan Hina oleh Rakyat Malaysia
Pentakbiran macam Yahudi
Lagi 1 tahun Malaysia macam gini
Macam Syria dibuatnya


41.  [Log in to Reply](#) **ilioni** [Nov 18,2015 1:52 AM](#)

Salam Tun,

Cruze, completely support your comment here (cruze Nov 17,2015 6:34 PM) on the topic of abolishing the mandatory death sentence for those serious crime. Maybe our public security now is in a unprecedented superb condition that we don't need these strict law to discourage people to do these. We are really blessed to have these "high morale" policy makers.

Maybe we should allow follow some of the footsteps of the western world to legalize marijuana as well? Why not? It's a good lucrative way of generating additional income from their tax. When the western are doing it, they can't be wrong! Let's do it!

[The next 11 states to legalize marijuana](#)

42.  [Log in to Reply](#) **musato** [Nov 17,2015 10:42 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Tahniah!

Kenyataan Hishamuddin mengenai senarai sasaran IS telah memberi kesan.

Hari ini, Sarawakian yang ditawan telah dipenggal kepala kerana tidak dipenuhi tuntutan.

Malaysian pertama dibunuh oleh Abu Sayyaf.

Penat penat perisik, komando buat kerja, dengan hanya Hishamuddin keluar kenyataan tersebut, segala urusan perundingan selesai.

Maka menteri kita akan berkata "esok bukan pilihanraya lagi".

Kalau nak cover balik, dah kena hantar pasukan keselamatan gempur bunuh.

Menyusahkan orang kerja je. Nak kata bodoh kang tak elok pulak.

Terima kasih Tun.

43.  [Log in to Reply](#) **cruze** [Nov 17,2015 6:34 PM](#)

Pening kepala otak omak memikirkan kesan dan apa faedah besar kepada negara apabila nancy syukri mahu mansuhkan hukuman mati di negara kita. salah satunya kepada pengedar dadah.

Cuba gariskan dahulu faedah memansuhkan dan keburukannya sebelum bercakap.

Wahai cik nancy nasib baik anda belum menjadi pm, entah apa apa lagi yang akan anda mansuhkan, sudahlah azalina itu menggalakkan campuran antara lelaki dan perempuan dalam drama tv.

Presiden indonesia pun sanggup membiarkan diplomat australia balik negara mereka demi menolak gesaan australia agar indonesia memansuhkan hukuman mati kepada pengedar dadah.

Fikir dahulu masak masak, ini zaman modern, masyarakat semakin mudah tertekan dan masalah sosial bertambah runcing atas dasar zaman modern vs internet.

Pengedar dadah mensasarkan jualan di negara yang mengalami masalah ekonomi yang mana masyarakat negara tersebut amat cepat tertekan kerana madaalah kewangan dan dadah adalah telah menjadi bahan penenang jiwa yang kacau anda tahu tak? Anda ada buat reserch sampaibke peringkat akar dan umbi rakyat ke tidak? Atau anda hanya baca di buku dan internet sahaja.

Anda di kira orang bangsawan, punya wang dan harta serta anak anak anda semua hidup dalam keadaan yang tenang dan serba serbi senang, anda dan anak anak anda tidak akan menghadapi masalah seperti keluarga2 yang sentiasa di himpit masalah ekonomi dan anda semestinya tidak akan merasa risau akan gejala dadah terhadap kaum keluarga anda.

Anda sebagai wakil kepada kami, anda sungguh tidak berhati perut apabila mahu memansuhkan hukuman itu kepada pengedar dadah, anda tidak langsung kasihan kan kami masyarakat pertengahan dan bawahan ini.

Beginikah cara fikiran menteri di bawah najib? Sudah banyakkah keuntungan negara untuk membiayai kehidupan pengedar dadah dalam penjara seumur hidup?

Nancy nancy sia sia rakyat mengundi anda dan azalina jika ini sahaja jasa anda.

44.  [Log in to Reply](#) **Aisyah** Nov 17, 2015 3:34 PM

Well Tun, don't you worry. We are on your side. I pray Allah strengthened you in your fight against injustice and oppression. Amin.

45.  [Log in to Reply](#) **cruze** Nov 17, 2015 2:11 PM

Ha tu lah, suka suka buat kenyataan si hisamuddin ni konon tak gentar akan is, lim kit siang dah suruh senaraikan nama target is...kami yang di luar kuala lumpur tak rasa sangat hal ini...

Lain kali belajar berpidato dengan Tun, jangan belajar buat kenyataan seperti ketua anda dan timbalannya.

Kenapa lah zahid gelar alvin tan tu beruk?

Walau bagaimana sekali pun alvin tan itu, jika zahid dan lain lain menteri guna bahasa yang elok mungkin akan timbul rasa segan, malu sayang dan hormat dari mereka terhadap negara sendiri.

Jika pemimpin mahu di hormati tolong lah guna bahasa berhemah seperti Tun dulu kini dan selamanya.

Tengok bagaimana dan belajar akan cara tun berhujah berkenaan Vape, amat manis. tiada kata mengharamkan malah Tun lebih keada mendidik masyarakat akan bahaya dan kesan vape serta rokok. Jika ikut cara hemah Tun ini rasa rasanya penghisap rokok dan vape akan rasa sayu hati dan lama kelamaan mereka akan berhenti.

Terima kasih Tun kerana mengajar rakyat berhemah dan sopan santun.

46.  [Log in to Reply](#) **daeng** [Nov 17, 2015 7:02 AM](#)

Assalamualaikum.

Saudara farz,

Najib selepas PRU14 wajar dikenali:

1. "BAPA CUKAI NEGARA" – di bawah tadbir Najib sebagai PM, rakyat dihukum dengan berbagai cukai tidak masuk akal.
2. "BAPA SONGLAP NEGARA" – di bawah tadbir Najib sebagai PM, rakyat ditipu dengan pelbagai penipuan secara terang-terangan seperti wang RM2.6 bilion masuk dalam akaun peribadi.

Mengapa selepas PRU14?

Kerana UMNO/BN akan kalah pada PRU14 selagi Najib adalah ketuanya.

Apa yang wajar UMNO lakukan untuk mengelak dari kekalahan?

Ahli UMNO wajar memohon adakan PAU sebelum PRU14 secepat mungkin dan ahli UMNO perlu menolak mereka yang bersekongkol dan bersubahat dengan Najib dan memilih ahli-ahli yang bersih dan boleh dipercayai. Dengan itu, UMNO akan diyakini dan dipulihkan marwahnya dan ini akan menarik pengundi atas pagar menyokong UMNO dan BN.

Wassalam.

47.  [Log in to Reply](#) **MsEmma49** [Nov 16, 2015 5:49 PM](#)

Salam Tun,

Saya tertanya kenapa baru sekarang kita sedari kesilapan 1MDB, sepatutnya sebelum pilihanraya dah didedahkan, kemenangan PM Najib seolah menjerut rakyat sahaja...saya pon menyesal menyokong PM Najib, jika PM Najib seorang baik tapi boleh digula gulakan oleh orang sekeliling tiada faedahnya walau ada 1000 penasihat terbaik... saya rasa sepatutnya Tun lebih mengenali menteri2 di sekeliling

Tun tetapi menteri semua sama sahaja... siapalah yang nak bayar hutang 1MDB 42 billion ini? kenapa asyik melakukan kesilapan yang sama , salah pilih pemimpin?? saya rasa mengarut sahaja mengulangi kesilapan yang sama iaitu salah pilih pemimpin... naik ke jawatan menteri bukan kerana kaliber tapi lebih kepada menumpang nama keluarga, membodek, membalas jasa.... saya ingatkan lebih tinggi jawatan atau darjat dalam masyarakat mestilah berdasarkan sumbangan dan sifat amalan yang mulia sebab itu yang di ajar dari kecil pun... tetapi semua terbalik yang kaya berkuasa itulah yang corrupt, menindas orang, meminta untuk dihormati walaupun tiada nilai tambah dalam masyarakat... saya rasa kelakar dengan orang bermentaliti begini...

<https://jebatmustdie.wordpress.com/>

48.  [Log in to Reply farz](#) Nov 16, 2015 2:42 PM

Assalamualaikum,

Tun, If there ever be Council of Elders, go ahead Tun. Maybe you are an elderly person, but your view and perspective is far ahead than others. I think it should wise for TSMY to seek your advise on governing this country if there ever be one. We have to put this country's alignment on the right track again. Go ahead Tun, we the rakyat never even heard of this Tawfik until his recent pathetic outburst.

49.  [Log in to Reply farz](#) Nov 16, 2015 1:32 PM

Tun,

Assalamualaikum. If they ever decide to arrest you, I wouldn't mind flying from Malaysia Timur to march towards Putra Jaya. Until this day, they have no courage or brave enough to sue you for defamation because they knew they would not be able to prove what you've said is not true. They should also be aware that you are ready with all your evidence to support your claim. Tun you are not alone, millions of rakyat are behind you. Not all 27 million because we have to consider the clown ministers and advisors as well as Rosmah.

Tun, makin sakit hati saya tengok menteri -menteri kita sedap-sedap je makan angin sekarang atas alasan lawatan bekerja. Dalam beberapa hari lepas, bila tengok berita, asyik-asyik keluar berita menteri-menteri kita yang di luar negeri. Lagipun, takkan diaorang pergi sorang-sorang je, mesti dengan pengiring yang ramai. Seingat saya, masa zaman gawat di tahun 1997/98, sebarang lawatan majlis keraian dibekukan untuk menjimat wang. Bukan sekarang tengah gawat ke? Kos ini semua dibiayai oleh pembayar cukai seperti saya! matawang ringgit jatuh menjunam, pelabur asing tak berani masuk sebab faktor politik yang tidak stabil dan skandal MDB, Obama datang sampai 2kali (untuk saya petunjuk yang tidak baik), Kos sara hidup yang makin mahal ditambah dengan GST yang tidak dikaji dengan teliti dan malapetaka yang berterusan. Ini lah akibatnya bila pemerintahan diterajui oleh menteri-menteri yang majoritinya gendang kosong. Sedih saya dengar pemimpin-pemimpin UMNO sekarang tidak lagi dapat berfikir secara rasional dan masih dalam dunia sendiri sebab tak sedar ramai yang di luar sana memperlekehkan keupayaan UMNO. Ya lah mungkin dah banyak sangat hidup dengan sumber yang tidak halal. Apa akan jadi kepada kita? BN memang akan tumbang. Tetapi

saya juga tak sanggup diperintah oleh pembangkang yang rata-rata saya lihat lebih kurang sama sahaja.



50. [Log in to Reply](#) **mattahir** [Nov 16,2015 10:17 AM](#)

The current 'leaders' have no moral qualm at all, to the point that having billions in personal account is 'no issue' at all. This is nothing but a great hallmark of a system with rampant corruption.

A government change is not necessarily good, but a necessity in such scenario. The current opposition parties have proven themselves not to be an stable pact – they have different ideologies that can be volatile to a multiracial country. They could not even agree for a no vote of confidence against Najib.

However, most likely the rakyat will not choose the current government again in GE14. A last minute change in BN prior to GE14, to mend the rakyat perception will not garner any support for BN. Very unlikely. The damage is too severe and it has become too obvious BN is not a party for the people, but only to enrich selected people in the administration. With a new government, the corrupt people in BN will be brought to justice.

However, the opposition party also have their own problems, and this will likely cause political realignment among various member of the opposition/existing BN parties. It is also possible that another change of government will occur, even before GE15 is suppose to take place. A change can be disruptive, but Malaysia is in dire need of such change to rid herself of self-serving and deceitftul politicians that are destroying the country's wealth and harmony.



51. [Log in to Reply](#) **cruze** [Nov 16,2015 8:45 AM](#)

Sarang tabuan jangan di jolok wahai hishamuddin dan lain lain, nanti tabuan mengamuk datang ke negara kita.

Terima kasih bang daeng.

Tun pula pada pada saya, menjolok sarang beruk2 jantan dan betina yang mendapat bunga.



52. [Log in to Reply](#) **daeng** [Nov 16,2015 6:41 AM](#)

Assalamualaikum Tun.

Izinkan saya mencelah komen Cruze tentang Hishamudin.

Cruze saya sokong kamu tentang kenyataan Hishamudin mengenai IS.

Jika dia dan Najib mati sekali pun angkara statement "bod*h" itu, rasanya beberapa kerat saja rakyat Malaysia yang peduli dan bersedih.

Menteri kena bijak berucap dan mengeluarkan kenyataan, kerana terlajak perahu boleh dimudik tetapi terlajak kata buruk padahnya.

Menteri berucap mewakili rakyat, tetapi jika otak letak di bawah tapak kaki, lebih elok jangan berucap.

Wassalam.

53.  [Log in to Reply](#) **cruze** Nov 15, 2015 8:45 PM

Hishamuddin begitu angkuh sekali bercakap begini :

"I confirmed that ISIS want to target our leaders including myself but it will not scare us or stop us in fighting terrorism, not only in the country but the region as well"

Bukan kami suruh tunjuk malaysia penakut tetapi kenapa angkuh mencabar mereka? Jika apa apa terjadi hishamuddin kena kehadapan, jangan lari pula nanti dan suruh polis2 yang lawan.

Maksud kami hisamuddin tidak boleh keluaran kenyataan angkuh kerana secara teorinya ini mencabar mereka.

Kenyataan di internet di baca boleh semua orang seluruh dunia.

Kami pun tidak suka akan itu tetapi sikap hishamuddin ini tidak seperti cara Tun menangani segala masalah negara dan global.

Tun tegas, hemah dan nampak orang berilmu dalam berbicara atau mengeluarkan kenyataan tanpa mencabar mana mana pihak.

Hishamuddin, zaid hamidi, rahman dahlan, makcik azalina dan lain lain harus lah selalu membuka youtube ucapan tun untuk mempelajari kaedah berucap dan jadikan beliau sebagai mentor bukan melulu berucap seperti ketuanya yang terpekik terlolong macam orang jual ubat.

Kami percaya jika semua menteri menjadikan tun sebagai mentor maka mereka akan kelihatan lebih berhemah berbanding sekarang.

Jangan seronok sangat mencari populariti hingga mencabar sesuatu yang boleh mengundang pada. Pasukan mereka bukan dari orang orang biasa, mereka cukup terlatih dan sanggup letupkan badan sendiri..tu

54.  [Log in to Reply](#) **sitinur** Nov 15, 2015 8:34 PM

Assalamualaikum ayahanda tun..

saya cuma nak bertanya pd semua ketua2 pengarah jabatan besaq dlm Malaysia la nih...Malaysia nih berketuakan mafia ka...kompius abes nih..

ketua jabatan agama pon dikatakan seleweng duit sumbangan

marhein..Allahuakbar.laillahaiilla'allah..marhein ja ka yg wajib patuh agama..sepitles toi...gamak tu pasai agama islam makin diperlekeh oleh bangsa dan agama lain...kesian negaraku...

55.  [Log in to Reply musato](#) [Nov 15, 2015 7:25 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Kita melihat Najib terlalu degil untuk melepaskan jawatan PM sampaikan sanggup upah Lim Kok Wing dulu untuk memburukkan Tun.

Kenapa? Padahal satu masa dulu, Tun berusaha menaikkan Najib menggantikan Pak Lah di mana Najib juga terlibat sama dalam memujuk Pak Lah melepaskan jawatan PM.

Patutlah dengan cara Pak Lah menyerahkan fail kepada Najib, semacam Najib yang minta (apa yang saya dapat rasakan).

Adalah mimpi ngeri Najib apabila pentadbiran beliau sendiri ditegur dengan keras oleh Tun. Malah Najib mengaku tidak terfikir Tun sanggup melakukan sedemikian.

Iyalah, dengan melaksanakan kerjasama dalam memujuk Pak Lah turun, kini Najib menjadi mangsa ketidakpuasan hati Tun Mahathir pula.

Ini sudah tikam belakang. Inilah apa yang menyebabkan kedegilan Najib ketika ini.

Najib meroyan sakan kerana Tun sanggup berpaling tadah setelah berusaha menaikkan Najib.

Itu pandangan Najib.

Tapi ketahuilah Najib, politik Tun (politik Tun dan saya) adalah bersifat jujur, amanah, menyampaikan dan benar. Itulah apa yang ada pada Rasulullah s.a.w – semoga Allah memimpin tulisan dan hati kami.

Tun adalah darah keturunan dari Kedah. Dan saya adalah yang berkait dengan Tok Pulau Manis yang ceritanya 600 tahun lepas.

Dan semuanya akan sampai kepada kisahnya ulama silam. Ulama yang tidak berparti politik.

Sesungguhnya, hidayah itu milik Allah swt.

Semoga Datuk Seri Najib membaca ini, dan terimalah pandangan dan teguran dari 'nenek moyang' Tanah Melayu.

Terima kasih Tun.

56.  [Log in to Reply musato](#) [Nov 15, 2015 7:06 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Puan Hajar,

Saya mahu berkongsi satu rahsia dengan puan.

Puan jangan risau Tun keluar UMNO. Tun takkan keluar UMNO kali ini.

Walaupun ramai orang yang berjumpa Tun untuk pujuk masuk UMNO semula semasa Tun keluar dulu, tapi sebenarnya sayalah yang telah berjaya mempengaruhi keputusan untuk Tun Mahathir masuk UMNO semula.

Dan saya tidak fikir dengan hujah saya itu, Tun akan keluar UMNO sampai bila bila, kecuali Tun dilucutkan ahli UMNO.

Bukan tujuan kita untuk menaikkan anak Tun, iaitu Datuk Paduka Mukhriz. Kami tidak memperkatakan tentang harta mahupun jawatan.

Cukuplah sekadar hati kita hampir kepada Allah swt.

Cukuplah Allah swt untuk diri kita.

Bukan tujuan saya untuk banyak sangat mengaku. Hanya untuk rekod.

Terima kasih Tun.



57. [Log in to Reply wajaperak](#) [Nov 15, 2015 6:03 PM](#)

Assallammualaikum Tun.

Saya mohon ruangan.

[rkmh226

At times, I wonder why most Malaysians are wasting most their time on politics – almost all the time!]

